



Headline : Delcom Chemicals, PTV meterai MoU
Media : Berita Harian
Day/Date : 10 November 2011
Page :
Links :

Delcom Chemicals, PTV meterai MoU

DELEUM Bhd, melalui anak syarikat milik penuhnya, Delcom Chemicals Sdn Bhd, memeterai perjanjian pengkomersilan bersama dengan Petronas Technology Venture Sdn Bhd (PTV) bagi melaksanakan aktiviti komersial teknologi rawatan pendepositan pepejal (SDTT).

SDTT adalah penyelesaian termo-kimia yang dibangunkan untuk menangani masalah pendepositan pepejal organik kompleks di dalam pengeluaran telaga.

Sistem berkenaan adalah fleksibel dan berkesan menanggalkan kebanyakan deposit organik di dalam conduit aliran seperti telaga, talian paip, tapak atas dan peralatan proses.

Ia mempunyai kelebihan teknikal dan komersil yang lebih

baik berbanding dengan teknik sedia ada yang lain di dalam industri itu.

Menerusi perjanjian itu, PTV, cabang pengkomersilan teknologi Petronas, diberi kuasa untuk melesenkan hak harta intelek teknologi itu kepada Delcom Chemicals bagi tujuan tunggal perjanjian pengkomersialan bersama itu.

Teknologi itu berupaya mengurangkan kos operasi dengan meningkatkan kemampuan pengeluaran telaga dan juga serasi dengan formasi hidrokarbon dan sistem penyipan telaga.

Perjanjian itu adalah hasil usaha sama antara Deleum Group dan Petronas berikutan kerjasama penyelidikan dan pembangunan bagi teknologi berkenaan.

"Dengan adanya aktiviti

pengkomersilan itu, perkongsian kami akan berkembang dan membolehkannya menyumbang kepada peningkatan aktiviti pengeluaran minyak dan gas domestik, yang sejajar dengan inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara," kata Pengarah Urusan, Deleum Nan Yusri Nan Rahimy dalam satu kenyataan semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif PTV, Haida Shenny Hazri, berkata syarikat itu gembira dengan pencapaian itu yang dihasilkan daripada kerja keras kedua-dua syarikat itu selama ini.

"Kami sangat mempercayai bahawa teknologi ini dapat memanfaatkan bukan saja bagi kami malah juga bagi industri berkenaan dengan lebih berkesan secara keseluruhannya," katanya. - BERNAMA